



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 8 TAHUN 2007

PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN IJAZAH SARJANA DAN/ATAU Ph.D BAGI MAKSUD LANTIKAN KE DALAM PERKHIDMATAN AWAM

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan meminda prinsip pengiktirafan Kerajaan ke atas kelayakan di peringkat Ijazah Sarjana dan/atau Ph.D sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1987 bagi tujuan pelantikan ke dalam Perkhidmatan Awam.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan melalui SPP 2/87 mengiktiraf kelayakan di peringkat Ijazah Sarjana dan/atau Ph.D dalam pelbagai bidang dari universiti-universiti tempatan dan luar negara. Pengiktirafan kelayakan sedemikian dibuat kerana terdapat keperluan untuk pelantikan di dalam Perkhidmatan Awam. Walaupun tidak dinyatakan dengan jelas, pengiktirafan yang dibuat pada masa ini hanyalah kepada kelayakan yang diperolehi secara sepenuh masa sahaja.

3. Prinsip yang digunakan oleh Kerajaan dalam mengiktiraf sesuatu kelayakan yang lebih tinggi seperti di peringkat Ijazah Sarjana dan/atau Ph.D ialah dengan syarat

pemegang-pemegang kelayakan Ijazah Sarjana dan/atau Ph.D berkenaan hendaklah juga memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan. Ini bermakna, sekiranya pemegang kelayakan tidak memiliki Ijazah Sarjana Muda atau memiliki Ijazah Sarjana Muda yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan, maka kelayakan beliau yang lebih tinggi seperti Ijazah Sarjana dan/atau Ph.D akan turut tidak diiktiraf oleh Kerajaan seperti yang dinyatakan di dalam SPP 2/87.

4. Perkembangan pesat pendidikan di Malaysia memainkan peranan kepada pertambahan bilangan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dengan penawaran pelbagai bentuk program pengajian secara *external*, jarak jauh (*distance learning*), *on-line*, *francais*, berkembar (*twinning*) dan sebagainya. Dengan itu, dasar pengiktirafan sedia ada perlu dikaji semula berdasarkan perkembangan semasa.

PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN

5. Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengiktiraf kelayakan di peringkat Ijazah Sarjana dan/atau Ph.D yang dijalankan oleh:

- i) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sepenuhnya dan juga program IPTA secara sepenuh masa dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi (IPT) luar negara yang tersenarai dalam ‘Senarai Universiti yang Diiktiraf oleh Kerajaan (sila rujuk laman web <http://www.interactive.jpa.gov.my/frmmainiktiraf.asp>);
- ii) IPTA dengan kerjasama IPT luar negara yang tersenarai dalam ‘Senarai Universiti yang Diiktiraf oleh Kerajaan’ di bawah program bukan sepenuh masa sama ada secara luaran (*external*), jarak jauh (*distance learning*) dan *on-line*;
- iii) Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) sepenuhnya dan telah mendapat perakuan akreditasi Lembaga Akreditasi Negara (LAN) di bawah program

sepenuh masa dan bukan sepenuh masa sama ada secara luaran (*external*), jarak jauh (*distance learning*) dan *on-line*;

- iv) IPTS dengan kerjasama IPTA tempatan atau IPT luar negara di bawah program sepenuh masa dan bukan sepenuh masa sama ada secara luaran (*external*), jarak jauh (*distance learning*) dan *on-line* serta telah mendapat perakuan akreditasi LAN;
- v) Kampus-kampus cawangan IPT luar negara di Malaysia di bawah program sepenuh masa atau bukan sepenuh masa sama ada secara luaran (*external*), jarak jauh (*distance learning*) dan *on-line* serta telah mendapat perakuan akreditasi LAN; dan
- vi) IPT luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan negara berkenaan di bawah program sepenuh masa. Pengesahan status IPT luar negara ini boleh dibuat oleh pihak berkuasa melantik dengan menghubungi pejabat kedutaan negara berkenaan di Malaysia atau pejabat kedutaan Malaysia di negara berkenaan.

6. Pengiktirafan bagi kelayakan-kelayakan di peringkat Ijazah Sarjana dan/atau Ph.D seperti yang dinyatakan di para 5 (i) hingga (vi) di atas masih tertakluk kepada pemegang kelayakan berkenaan hendaklah juga memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan.

7. Kerajaan juga telah menetapkan bahawa kelayakan Master of Engineering (M.Eng) dari universiti-universiti di United Kingdom hanya boleh digunakan untuk tujuan pelantikan ke jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan. Oleh itu, kelayakan tersebut tidak termasuk dalam kelayakan di peringkat Ijazah Sarjana dan/atau Ph.D seperti dinyatakan di para 5 (i) hingga (vi) di atas.

PEMATUHAN

8. Ketetapan pengiktirafan Kerajaan ke atas kelayakan-kelayakan Ijazah Sarjana dan/atau Ph.D ini seperti di perenggan 5 (i) hingga (vi) di atas hendaklah dipatuhi oleh semua Pihak Berkuasa Melantik dalam membuat sebarang pelantikan ke dalam Perkhidmatan Awam.

9. Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan keputusan ini, IPTA dan Institusi Penyelidikan Kerajaan diberi pengecualian bagi melantik Pensyarah Universiti, Pensyarah UiTM (Gred DM45, DM51, DM53, Gred Khas C) dan Pegawai Penyelidik yang memiliki Ijazah Sarjana dan/atau Ph.D seperti yang dinyatakan di para 5 (i) hingga (vi) walaupun tidak memiliki Ijazah Sarjana Muda atau tidak memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan. Pihak Pengurusan Universiti/Institusi Penyelidikan Kerajaan hendaklah membuat penilaian dan perakuan kepada badan tertinggi di universiti/Institusi Penyelidikan Kerajaan mengenai kesesuaian dan kelayakan calon tersebut. Syarat-syarat pelantikan lain yang terdapat di dalam skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah UiTM dan Pegawai Penyelidik yang sedang berkuatkuasa perlulah dipatuhi.

10. Sebarang pertanyaan berkaitan surat pekeliling ini hendaklah dirujuk kepada Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

TARIKH KUATKUASA

11. Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah pada tarikh ianya dikeluarkan.


PEMBATALAN

12. Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ini, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1987 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

13. Tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan surat pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

27 Jun 2007

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan